

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash





Bandar Diraja KUALA KANGSAR

Siti Fatimah Mardiah Hamzah, Suzila Mat Salleh, Noor Hafiza Mohammed,
Hani Sakina Mohd Yusof & Noor Malinjasari Ali
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

22 | BizNewz 2021

eISSN 2600-9811



Kuala Kangsar merupakan daerah ketiga terbesar di Perak dengan keluasan 204.94 km persegi. Daerah ini ditadbir oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar merangkumi kawasan Bandar Kuala Kangsar, Sungai Siput (U), Padang Rengas, Pekan Manong, Pekan Sauk, Karai, Pekan Salak, Lintang dan Rasah. Terletak 48 km dari Bandaraya Ipoh, Bandar Diraja Kuala Kangsar telah wujud sejak 1720-an. Ianya semakin dikenali selepas usaha pembangunan pelancongan Negeri Perak mengenengahkan pelancongan Bandar Diraja dalam rancangan struktur Negeri Perak. Sebagai sebuah Bandar Diraja, Kuala Kangsar memiliki elemen-elemen warisan sejarah seperti istana, bangunan pembesar, kedai-kedai lama, muzium, galeri, serta lain-lain monumen yang melengkapkan ciri-ciri sebuah Bandar Diraja. Selain itu, kedudukan lokasi yang strategik di tepi sungai Perak, turut menjadi daya tarikan kepada para pelancong tempatan dan luar negara. Dari sebuah pekan kecil, ianya berkembang kepada sebuah bandar yang kaya dengan aset sejarah seperti hari ini.

Bandar Diraja Kuala Kangsar dinamakan sempena pohon Kangsar yang banyak tumbuh di sepanjang tebing sungai. Namun, terdapat juga versi lain yang merekodkan nama Kuala Kangsar berasal dari perkataan "Kuala Kurang Sa" yang bermaksud anak sungai yang ke-99 di sepanjang Sungai Perak, iaitu kurang satu untuk cukup 100. Lama-kelamaan, Kuala Kurang Sa disebut sebagai Kuala Kangsar. Bandar bersejarah ini pernah menjadi pusat pentadbiran Sistem Residen Inggeris selepas Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Malah, bandar ini juga pernah dipilih sebagai tempat Persidangan Raja-Raja yang pertama atau dikenali sebagai Mesyuarat Durbar pada tahun 1897. Selepas peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch, Sir Hugh Low, Residen British yang ke-3 telah mendiami Kuala Kangsar dan menjadikannya pusat pentadbiran British.

'Bandar bersejarah ini pernah menjadi pusat pentadbiran Sistem Residen Inggeris selepas Perjanjian Pangkor pada tahun 1874.'

Dengan wujudnya pusat pentadbiran ini, Bandar Kuala Kangsar mulai berkembang pesat. Di antara kemajuan-kemajuan awal di bandar ini adalah seperti perkhidmatan telegraf yang diperkenalkan pada tahun 1880-an, tanaman getah pertama di Malaysia adalah ditanam di sini pada tahun 1879, Maktab Melayu Kuala Kangsar ditubuhkan pada tahun 1905 dan juga pembinaan landasan kereta api sekitar 1897 sehingga 1900.

Pada hari ini, kawasan pelancongan di Kuala Kangsar banyak tertumpu di sekitar Pusat Bandar Diraja Kuala Kangsar itu sendiri, selari dengan matlamat pembangunannya menjadikan Daerah Kuala Kangsar sebagai daerah pembangunan Diraja dan warisan berasaskan sumber sejarah dan alam semulajadi. Artifak pelancongan seperti bangunan kediaman rasmi kerabat-kerabat Diraja Kesultanan Perak, bangunan-bangunan warisan yang berusia di antara 75 hingga melebihi 100 tahun, monumen dan lain-lain warisan seperti pembuatan kraftangan tekat, labu sayong dan keris menjadi tarikan utama ke Bandar Kuala Kangsar. Terdapat tiga bangunan bersejarah warisan Diraja iaitu Istana Iskandariah, Istana Kenangan, yang kini dijadikan Muzium Diraja dan Masjid Diraja Ubudiah. Selain itu, antara artifak binaan lain yang dikaitkan dengan warisan Diraja adalah seperti Galeri Diraja Sultan Azlan Shah, dan Makam Diraja.

Selain dari warisan Diraja

dan nilai sejarah sebagai tarikan utama, pembangunan tempat-tempat menarik dan aktiviti-aktiviti industri kecil dan sederhana di pinggir Bandar Kuala Kangsar turut menjadi tarikan pelancongan sekunder di kawasan ini. Pembangunan pinggir sungai seperti Taman Rekreasi Pesisir Sayong (Sayong Riverfront), Jambatan Victoria dan trek berbasikal "Sungai Perak Bike Trail" merupakan antara tempat-tempat yang boleh dilawati untuk aktiviti rekreasi keluarga. Trek berbasikal ini dibina di sepanjang tepi sungai sejauh 25 km bermula dari Jambatan Victoria hingga ke Chenderoh.

Antara lain yang menjadi tumpuan adalah perusahaan tembikar tradisional di kampung-kampung sekitar Bandar Kuala Kangsar. Sebagai contoh, Kampung Enggor telah dipilih sebagai salah satu projek Kraf Kampungku yang memberi peluang kepada pelancong untuk merasai sendiri pengalaman membuat labu sayong. Para pelancong juga boleh mengunjungi Kampung Sayong yang merupakan kawasan utama perusahaan labu sayong. Selain itu, kunjungan ke Kampung Padang Changkat juga boleh dimasukkan ke dalam itinerari kunjungan bagi yang berminat dengan seni pertukangan keris dan kraftangan seni tekat. Bagi yang bercadang membuat lawatan singkat pula, pelancong tidak perlu risau kesuntukan masa untuk mendapatkan barangan kraftangan ini di kampung-kampung sekitar bandar Kuala Kangsar kerana

mereka boleh mengunjungi kedai-kedai kraftangan Perak yang terletak di Pusat Perniagaan Dataran Lembah Sungai Perak. Kedai-kedai kraftangan ini menjual banyak barangan terutamanya labu sayong, sulam tekat, barangan tembaga dan lain-lain barangan yang terkenal di Kuala Kangsar. Selain daripada labu sayong, anda juga boleh membeli cenderahati dan kraftangan lain yang dibuat daripada mengkuang, rotan, dan seramik.

Terdapat banyak daya tarikan di Kuala Kangsar yang boleh dipromosikan untuk menarik lebih ramai pelancong ke bandar ini. Oleh itu, warisan seperti bangunan bersejarah, istana, monumen dan kraftangan antara yang perlu dipelihara dan dipulihara dengan baik bagi mengekalkan nilai sejarah dan warisan. Cadangan pembaharuan semula ruang Bandar Kuala Kangsar yang dimasukkan dalam Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar adalah dilihat sebagai satu usaha yang amat baik. Ianya turut melibatkan cadangan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan kedai lama dengan peningkatan imej dari segi warna dan struktur bangunan agar lebih menarik, seragam dan teratur. Selain itu, sentuhan landskap yang menarik dan pemandangan indah semulajadi turut memberi ruang kepada pelancong mencipta memori di Kuala Kangsar. Banyak lokasi menarik yang sesuai untuk berswafoto dan bergambar bersama ahli keluarga.

Sama ada untuk lawatan singkat atau pun bermalam, Bandar Diraja Kuala Kangsar, daerah warisan pinggiran sungai ini sentiasa mengalu-alukan kedatangan pelancong ke bandar ini. "Moh kite ke Kuale".

'Artifak pelancongan seperti bangunan kediaman rasmi kerabat-kerabat Diraja Kesultanan Perak, bangunan-bangunan warisan yang berusia di antara 75 hingga melebihi 100 tahun, monumen dan lain-lain warisan seperti pembuatan kraftangan tekak, labu sayong dan keris menjadi tarikan utama ke Bandar Kuala Kangsar.'

Kuala Kangsar

Aku selalu terkenang-kenang
 Satu hari di Kuala Kangsar
 Di istana nan indah gemilang
 Pesta ria nan penuh hidangan
 Sejenak ku diam terpesona
 Gunung ganang nan membuai rasa
 Zahara Agus berdendang mesra
 Lagu merdu nan indah megah
 Sorak sorai penuh tepuk
 Nak gegak gempita
 Menyambut nyanyian indah
 Merdu mempersona
 Seorang puteri tersenyum riang
 Lesung pipit di sebelah kanan
 Menambah indah pesta gemilang
 Tengku Maryam terkenang selamanya

Gubahan: Shaiful Bahri

Nyanyian: Tutty Dolai, 1961

Rujukan

Arifin, A. (2015), Traditional Malay pottery of Kuala Kangsar: Its history and development, *Kajian Malaysia*, vol 33, page 113 - 133

Mohd Yunus, N. M., Hj. Endut, E., & Said, S. Y. (2021). Cultural mapping and heritage trail in Kuala Kangsar. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 3(1), 24-31. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/jstard/article/view/8876>

Nor Hafizah Selamat & Hasanuddin Othman, (2016) Image (Re)presentation and Royal Tourism: A case study of the Royal City of Kuala Kangsar, Ipoh, Malaysia, *Tourism, and Monarchy in Southeast Asia*, edited by Ploysri Porananond & Victor T.King, Cambridge Scholars Publishing, Lady Stephenson Library, Newcastle upon Tyne, NE 2PA, UK.

Vlog Chin-Aehaneun Amier (Ogos 26, 2019) Lagu Kuala Kangsar nyanyian Tutty Dolai [Video] YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=jExZ9kdllwc>

Portal Rasmi Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (n.d). <https://www.kualakangsar.gov.my/>

Nota : Gambar-gambar sekitar Kuala Kangsar untuk artikel – koleksi peribadi penulis



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash